

# 26 peserta sertai Kursus Kepengadilan Antarabangsa

UB 16.4.2014 A14

Oleh JOHAN AZIZ

**KOTA KINABALU:** Seramai 26 orang peserta telah menyertai Kursus Kepengadilan Ragbi International Rugby Board (IRB) Match Official Tahap Satu yang dianjur oleh IRB dengan kerjasama Kolej Cemerlang Dinamik Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini baru-baru ini.

Kursus dua hari itu telah disertai oleh para pengadil, bekas pemain dan jurulatih ragbi serta tiga orang pelajar Sains Sukan UMS.

Educator di IRB, Mohd Zamrin Yassin telah menyampaikan ceramah berhubung sesi pengenalan berkaitan dengan undang-undang dalam sukan ragbi.

Zamrin memiliki pengalaman luas dalam sukan ragbi di Malaysia sebagai pengadil dan pemain. Beliau mula menceburi bidang kepengadilan pada tahun 1999 sehingga sekarang.

Semasa sesi praktikal, peserta telah diberi tugas sebagai pengadil dan pembantu pengadil dalam Liga Ragbi Kota Kinabalu yang sedang berlangsung di



PESERTA sedang menumpukan penerangan daripada jurulatih kursus.



SESI praktikal dalam dewan.

Padang Ragbi Sukma Sabah. Peserta dipecahkan kepada beberapa kumpulan untuk mengadili perlawanan ragbi berkenaan.

Jurulatih Pengadil Ragbi Asia dan Educator IRB, Dr Mohamad Nizam Nazarudin turut memberikan tunjuk ajar pada sesi praktikal pada sebelah petang.

Menurut beliau, objektif utama kursus kepengadilan IRB adalah untuk menaiktaraf pengadil-pengadil sedia ada di negeri ini yang tidak mempunyai sijil di peringkat antarabangsa.

Selain itu, katanya, kursus berkenaan juga bertujuan untuk melahirkan pengadil-pengadil baharu serta meningkatkan tahap pengetahuan mereka berkaitan undang-undang

dalam sukan ragbi.

Seorang peserta yang merupakan bekas pemain ragbi wanita Sabah yang pertama mewakili Malaysia, Azlena Kula menyatakan bahawa kursus seperti ini sangat bermanfaat dilaksanakan untuk mendedahkan ilmu berkaitan dengan kepengadilan dalam sukan ragbi terutamanya kepada bekas pemain-pemain ragbi.

Katanya, pengalaman yang mereka ada perlu ditambah dengan ilmu kepengadilan maka barulah kualiti kepengadilan dapat dipertingkatkan lagi.

Sementara itu, Mohd

Shahrul yang merupakan salah seorang peserta kursus berkenaan menyatakan bahawa dia sangat bertuah kerana berpeluang menyertai kursus kepengadilan yang bertaraf antarabangsa anjuran IRB.

Kursus lanjutan Kepengadilan Ragbi IRB Match Official Tahap Dua dijangka akan diadakan pada bulan November tahun ini di Kota Kinabalu. Manakala Kursus Kepengadilan Ragbi IRB Match Official Tahap Satu akan diteruskan kebeberapa buah daerah di negeri ini seperti Tawau, Sipitang dan Sandakan pada masa akan datang.



PARA peserta yang menyertai kursus itu bergambar bersama dengan para penceramah dan jurulatih sepanjang kursus dua hari itu.